

**Ezam: Nyahkan Anwar dari S'gor  
Malaysiakini.com  
July 25, 2010**

Bekas setiausaha politik Datuk Seri Anwar Ibrahim, Senator Ezam Mohd Nor mengajak rakyat Selangor "menyahkan" ketua umum PKR itu daripada menjadi penasihat ekonomi negeri Selangor.

Ezam mendakwa ketua pembangkang itu menjadi "pengkhianat" kepada negara kerana didakwa "menjadi alat dan perkakas kepada Yahudi".

"Tidak pernah ada pemimpin di Malaysia yang buat kerja, sanggup jadi pengkhianat, alat dan perkakas Yahudi," katanya dalam ceramah "Gelombang Selamatkan Selangor" di Pelabuhan Kelang malam tadi.

Dalam ucapannya, Ezam mendakwa bekas bosnya itu "bersekongkol dengan Yahudi" apabila memohon maaf selepas mengetuai lebih 10 ribu rakyat Malaysia membantah serangan Israel ke atas flotila bantuan ke Gaza, pada Jun lalu.

"Di Malaysia, dia digambarkan hebat, lawan Yahudi. Di luar, dia tunduk dengan Yahudi.

"Di Kedutaan Amerika, dia serang Yahudi. Dia kata Amerika jangan bersekongkol dengan Yahudi.

"Dua minggu lepas itu, dia (Anwar) pergi ke Washington. Dia minta maaf, dia melutut... (Berita itu) keluar dalam Washington Post. Ia akhbar Yahudi yang berpengaruh," katanya.

Kira-kira 500 orang menghadiri ceramah tersebut di padang bola berdekatan bilik gerakan Umno di Sri Pendamar, Pelabuhan Kelang.

Turut hadir ialah Ketua Umno bahagian Kelang Datuk Mazlinoor Abdul Latiff, Exco Pemuda Umno Lokman Adam dan pemimpin parti komponen BN bahagian Kelang.

Dalam ucapannya juga, Ezam mendakwa Anwar pernah menolong rakannya Paul Wolfowitz yang dikatakan mempunyai skandal dengan seorang pekerja wanita di Bank Dunia.

"Anwar tulis surat, dia (Anwar) kata, perempuan itu tidak kerja dengan Wolfowitz, tapi kerja dengan saya (Anwar).

"Inilah Anwar, manusia dan pengkhianat. Mana maruah (kita) sebagai rakyat Selangor," kata Ezam.

Sehubungan itu, Ezam yang juga bekas ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) menggesa rakyat Selangor bangkit dan menyerang Anwar habis-habisan.

"Kalau kita ada maruah, seharusnya kita bangkit mempertahankan kedaulatan (negeri kita) dan menyahkan Anwar Ibrahim dari negeri Selangor," katanya.

Menurutnya lagi, beliau juga tidak akan berdiam diri dan akan berjuang habis-habisan untuk menyerang Anwar.

Dalam ucapannya juga, Ezam turut menafikan dakwaan beliau menyertai Umno kerana "habuan".

Sebaliknya, beliau meninggalkan PKR "hanya semata-mata kerana prinsipnya".

"Saya bukan pelacur politik. Orang kata, saya kena bayar untuk buat keputusan (sertai Umno). Bukan kerana duit. Saya tak dapat satu sen atau dua juta. Tak ada," katanya.

Sebelum mengakhiri ucapannya, beliau juga mengajak rakyat Selangor agar mempertahankan hasil-mahsul negeri itu daripada "dirobek-robek" oleh "orang yang tidak ada prinsip, yang rakus dan ada cita-

cita politik".

"BN ada rekod membina negara ini. Kita pertahankan apa yang dibina oleh pemimpin sebelum ini, bukan Pakatan Rakyat.

"Kita harus ada keberanian untuk mempertahankan negeri ini," katanya.

Dalam majlis yang sama, Lokman pula berkata kekalahan Umno dan BN dalam pilihan raya umum yang lalu adalah "satu teguran rakyat" kepada parti itu.

"Kalau rakyat tegur, ada yang kita buat salah. Selepas pilihan raya 2004, kita lalai dan alpa, mungkin tutur kata kita mengguris hati rakyat. Rakyat tak suka (apa) kita buat," katanya.

Menurutnya, teguran rakyat itu menyebabkan kekalahan BN di lima buah negeri pada pilihan raya 2008.

"Tapi kita tak kata rakyat tidak mengenang budi. Datuk Seri Najib memberi arahan supaya buat post mortem, kaji silap kita," katanya.

Sehubungan itu, katanya, perdana menteri menerapkan gagasan 1Malaysia dan lapan nilai murni bagi mengembalikan sokongan rakyat kepada BN.

Manakala Mazlinoor pula memberikan ucapan ringkas bahawa majlis seumpama itu akan diteruskan di kawasan lain di bahagian tersebut dengan memanggil lebih ramai bekas pemimpin PKR berceramah bagi menerangkan "pengkhianatan dan penyelewengan" PKR.

Beliau juga menjelaskan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Noh Omar yang dijadual menyampaikan ceramah dalam majlis tersebut, tidak dapat hadir.

Ini kerana, kata Mazlinoor, menteri pertanian dan asas tani itu menghadiri "mesyuarat tergepar" dengan Najib yang juga pengerusi perhubungan Umno Selangor.

Selepas majlis itu berakhir, Malaysiakini mendapati petugas parti mengedarkan kepada orang ramai yang lalu lalang, satu risalah dua muka.

Risalah itu yang berupa karikatur berhubung dakwaan isu pasir yang berlaku di Selangor yang bertajuk "Kebas Sebelum Selangor Berubah" dan "Korek Selangor Sampai Berlubang" sebagai sindiran kepada Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB).

KSSB adalah sebuah syarikat di bawah perbadanan Menteri Besar yang menguruskan urusan pasir di negeri itu.

Manakala satu lagi muka, tertulis "PasiR: Rompak Pasir di Dengkil", yang berlatarbelakangkan beberapa jentera pengorek sedang mengorek pasir.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/138270>